



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 4 SEPTEMBER 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **sembilan (9) kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **9,092** kes (96.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 4 September 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **11 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,385 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 165 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

COVID-19, 4 September 2020:

Daripada 11 kes baharu yang dilaporkan, 7 kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan 2 **warganegara**

**Malaysia** dan 5 **bukan warganegara**. 7 kes import tersebut adalah dari negara:

- India (5 kes di WP Kuala Lumpur);
- Arab Saudi (1 kes di WP Kuala Lumpur); dan
- United Kingdom (1 kes di WP Kuala Lumpur).

Daripada empat (4) kes penularan di dalam negara, tiga (3) kes adalah di kalangan warganegara Malaysia dan satu (1) kes adalah bukan warganegara iaitu kes saringan tahanan yang bakal dihantar pulang ke negara asal di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Beranang, Selangor.

Perincian baki kes penularan COVID-19 dalam negara di kalangan **warganegara Malaysia** (3 kes) adalah:

- Kedah: 1 kes daripada Kluster Telaga;
- Selangor: 1 kes daripada Kluster DTI Semenyih 2; dan
- Negeri Sembilan: 1 kes daripada Kluster DTI Semenyih 2.

Terdapat 4 kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di ICU, di mana 3 kes memerlukan bantuan pernafasan. **Tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal **128 kes** (1.36 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **KLUSTER DEPOT TAHANAN IMIGRESEN SEMENYIH 2**

KKM ingin memaklumkan bahawa 1 kluster baharu telah dikenalpasti di DTI Semenyih, Selangor. Kes indeks kluster ini merupakan seorang tahanan yang bakal dihantar balik ke negara asal beliau. Justeru, beliau

telah disaring untuk COVID-19 di Klinik Kesihatan dan dikesan positif pada 27 Ogos 2020 (iaitu kes ke-9302).

Kes kedua dan ketiga kluster (iaitu kes ke-9382 dan kes ke-9384) merupakan pegawai imigresen di DTI tersebut yang telah mengiringi kes indeks ke Klinik Kesihatan bagi saringan COVID-19. Mereka adalah 2 daripada 4 orang pegawai imigresen yang mengiringi kes indeks yang telah dikesan positif COVID-19. Susulan itu, pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan saringan kontak rapat telah dijalankan. Sehingga 4 September 2020, seramai 269 orang telah disaring. Daripada jumlah ini:

i. Selangor (265 disaring):

- 2 kes dikesan positif COVID-19;
- 123 individu negatif; dan
- 140 individu masih menunggu keputusan.

ii. Negeri Sembilan (4 disaring):

- 1 kes dikesan positif COVID-19; dan
- 3 individu masih menunggu keputusan.

Jumlah saringan yang telah dilaksanakan bagi kluster ini melibatkan:

- 134 tahanan;
- 129 orang kakitangan DTI; dan
- 6 orang ahli keluarga kakitangan.

Punca jangkitan adalah masih dalam siasatan. Langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar telah dijalankan di DTI Semenyih.

KKM menyeru anggota-anggota barisan hadapan dari pelbagai agensi yang menguruskan kes positif COVID-19, kes yang disyaki positif COVID-19 serta kes masih di dalam siasatan termasuk *Patient Under Investigation (PUI)* supaya mengambil langkah-langkah pencegahan pada setiap masa sepanjang pengurusan kes-kes ini. Ini termasuk pemakaian *Personal Protective Equipment (PPE)* dengan betul serta bersesuaian, penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dan amalan kebersihan tangan yang optimum.

KKM menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada anggota barisan hadapan dari pelbagai agensi yang merupakan aset Negara dalam mengharungi pandemik ini. Wabak ini telah menyerlahkan peranan penting mereka dalam mencegah, mengawal dan menguruskan penularan jangkitan COVID-19. Tanpa komitmen, ketekunan dan dedikasi anggota barisan hadapan, hampir mustahil bagi kita untuk menangani pandemik COVID-19.

### **STATUS TERKINI KLUSTER TELAGA**

Terdapat **satu (1) kes** baharu dilaporkan bagi Kluster Telaga di negeri Kedah, justeru menjadikan jumlah kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini sebanyak **lapan (8) kes**. Sehingga 4 September 2020 jam 12 tengah hari, seramai 2,743 orang telah disaring dalam kluster ini. Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah seperti berikut:

iii. Kedah (2,737 disaring):

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19;
- 2,075 individu negatif; dan
- 654 individu masih menunggu keputusan.

iv. Pulau Pinang (6 disaring, tiada saringan baharu):

- Enam (6) individu negatif.

Pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan saringan kontak rapat bagi kluster ini masih diteruskan. Situasi terkini kluster akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **seimbang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;

- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

4 September 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 4 SEPTEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	32
<b>KEDAH</b>	1	223
<b>PULAU PINANG</b>	0	136
<b>PERAK</b>	0	269
<b>SELANGOR</b>	2	2,177
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1	1,037
<b>MELAKA</b>	0	262
<b>JOHOR</b>	0	752
<b>PAHANG</b>	0	371
<b>TERENGGANU</b>	0	114
<b>KELANTAN</b>	0	160
<b>SABAH</b>	0	432
<b>SARAWAK</b>	0	699
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	7 (7)	2,599
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	99
<b>W.P. LABUAN</b>	0	23
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>11 (7)</b>	<b>9,385</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import